

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN HARI PERAYAAN KANAK-KANAK SEDUNIA 1983
Lokasi : DEWAN TUN ABDUL RAZAK UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI
Tarikh : 05-11-1983

Y.B. Datin Paduka Zaleha Ismail, Yang Di Pertua Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia;

Y.B. Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Masyarakat Malaysia;

Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dr. Awang Had Salleh;

Y.B. Menteri-Menteri;

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri;

Datuk-Datuk dan Datin-Datin;

Para hadirin yang dihormati dan seterusnya anak-anak sekalian yang saya kasihi.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana telah memberi peluang untuk kita bersama-sama pagi ini di Majlis Perasmian Hari Kanak-Kanak Sedunia yang ke tiga puluh. Saya amat gembira melihat betapa ramainya wajah bunga-bunga kita yang berseri di dalam Dewan ini. Saya percaya anak-anak sekalian berasa bangga kerana dapat menghadiri upacara ini. Berbagai kegiatan telah juga disusun oleh beberapa pertubuhan sukarela diseluruh negara untuk memberi peluang kepada kanak-kanak tempatan menyertai perayaan Hari Kanak-Kanak Sedunia 1983.

2. Saya difahamkan iaitu kemuncak perayaan pagi ini ialah pengisytiharan Tokoh Kanak-Kanak Kebangsaan (lelaki) dan Tokoh Kanak-Kanak Kebangsaan (perempuan) yang telah dipilih daripada tokoh kanak-kanak di peringkat negeri. Kepada mereka sekalian saya mengucapkan tahniah. Pemilihan ini bererti bahawa mereka telah dapat mencapai tahap yang tinggi dalam pelajaran, kegiatan luar darjah, mempunyai sifat-sifat istimewa dan ada bakat sebagai pemimpin. Namun demikian saya ingin mengingatkan bahawa ini hanyalah mata tangga yang pertama. Bagi mengekalkan pencapaian ini mereka mesti bekerja keras, belajar bersungguh-sungguh agar Anugerah Tokoh ini tetap cemerlang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

3. Dalam menjayakan hari ini saya percaya kita semua akan memikirkan semula iaitu falsafah mengadakan hari ini adalah untuk mengingatkan kita orang dewasa, akan tanggungjawab kita terhadap kanak-kanak, dan juga bagi mengingatkan kanak-kanak akan tanggungjawab mereka terhadap kanak-kanak lain. Oleh yang demikian kegiatan yang kita akan rancangkan tidak semestinya berupa tinjauan terhadap kegiatan-kegiatan kita atau hanya merancangkan aktiviti-aktiviti bagi masa hadapan. Kita harus juga mengadakan aktiviti yang menimbulkan kesedaran di kalangan kanak-kanak, akan pentingnya perhubungan baik di antara mereka bagi menggalakkan persahabatan dan persefahaman antara generasi muda dari berbagai keturunan dan kebudayaan. Rancangan-rancangan yang disusun untuk memenuhi matlamat ini hendaklah bersifat jelas dan nyata, mudah dikendali dan dapat memberikan

kesan.

4. Seperti yang kita sedia maklum, sebahagian besar penduduk negara ini adalah orang-orang muda. Ini jelas kelihatan jika kita tinjau Laporan Perangkaan Penduduk 1980; daripada jumlah penduduk seramai 13.1 juta orang didapati hampir 1.8 juta di dalam kumpulan umur 4 tahun ke bawah, 3.4 juta di dalam kumpulan umur 5 hingga 14 tahun dan 2.8 juta di dalam kumpulan umur 15 hingga 24 tahun. Nyatalah bahawa lebih daripada 50% penduduk dalam negara ini terdiri daripada golongan muda dan kanak-kanak, dan 39.5% terdiri di dalam lingkungan umur 14 tahun ke bawah. Oleh yang demikian nyatalah betapa pentingnya bagi semua lapisan masyarakat berganding bahu dan berusaha untuk membentuk satu generasi kanak-kanak yang sempurna.

5. Tema tahun ini iaitu "Keperluan Kanak-Kanak - Cabaran Masyarakat" merupakan satu tema yang tepat yang akan mencabar hati norani (conscience) semua sektor dalam masyarakat kita. Kita perlu mengetahui akan syarat-syarat yang diperlukan pada zaman ini untuk membentuk generasi kanak-kanak yang sempurna. Ini ialah kerana mereka akan dikehendaki memikul tanggungjawab masyarakat pada masa hadapan, dan mendidik generasi yang seterusnya. Mereka perlu dilengkapi dengan unsur-unsur penting seperti badan yang sihat, daya pemikiran yang tajam, ilmu pengetahuan yang dalam serta keperibadian yang luhur. Kanak-kanak cacat pula perlu kemudahan-kemudahan pemulihan yang lengkap untuk membolehkan mereka mengatasi masalah kecacatan itu dan hidup sebagai ahli masyarakat yang berguna. Mereka yang terpesong dari segi sosial juga perlukan pemulihan untuk memupukkan semula dalam diri mereka nilai-nilai penting bagi meninggikan keyakinan dan harga diri mereka, sama ada dari kacamata mereka sendiri atau dari sudut pandangan luar.

Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, kita perlu juga merancang kegiatan-kegiatan bagi anak-anak kita yang menggalakkan kesedaran terhadap kanak-kanak yang kurang bernasib baik serta menyemai semangat ingin membantu di kalangan kanak-kanak yang berbilang kaum.

6. Untuk memenuhi keperluan-keperluan asas kanak-kanak, Kerajaan telah mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan kesihatan, pendidikan, kebajikan dan peruntukan undang-undang untuk mereka yang memerlukan perlindungan. Negara ini mempunyai perkhidmatan kesihatan yang komprehensif bagi ibu dan anak-anak di dalam dan di luar bandar.

7. Dasar pelajaran negara pula memberi peluang kepada semua kanak-kanak untuk bersekolah, sama ada di sekolah-sekolah harian atau pun di sekolah-sekolah berasrama. Rancangan 3M telah dilancarkan di seluruh negara dengan tujuan supaya kanak-kanak memulakan pendidikan dengan cara yang lebih berkesan. Bagi kanak-kanak cacat, rancangan pendidikan yang istimewa diadakan supaya kanak-kanak buta, pekak, cacat saraf dan cacat akal dapat memperolehi pengetahuan dan kemahiran ke peringkat pencapaian yang optima.

8. Sekim-sekim bantuan bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik membolehkan mereka terus belajar. Bagi kanak-kanak yang rosak akhlak, Kerajaan ada menyediakan rancangan pemulihan untuk membantu mereka memperolehi nilai-nilai hidup yang sempurna yang akan membolehkan mereka mempunyai keyakinan dan harga diri. Peruntukan undang-undang juga dibekalkan Kerajaan supaya keselamatan kanak-kanak di negara ini terjamin.

9. Berkaitan dengan tema "Keperluan Kanak-kanak - Cabaran Masyarakat" saya percaya bahawa masyarakat kita memang sedar akan keperluan kanak-kanak dan kesedaran inilah yang telah mendorong mereka menubuhkan pertubuhan sukarela di merata negara ini untuk mengendalikan berbagai jenis perkhidmatan sosial termasuk yayasan-yayasan pemulihan bagi kanak-kanak cacat dan rumah anak-anak yatim untuk kanak-kanak di peringkat tempatan. Ini sangatlah dibanggakan dan saya mengucapkan tahniah kepada pekerja-pekerja sukarela ini yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Sungguh pun demikian, saya jangka semua pihak, ibu-bapa, pemimpin, pendidik dan masyarakat amnya sedar bahawa masih ada lagi keperluan-keperluan kanak-kanak yang perlu dipenuhi, di antaranya ialah padang-padang permainan, pusat-pusat rekreasi, khidmat perpustakaan, taman-taman asuhan bagi kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah, kemudahan-kemudahan tertentu untuk kanak-kanak cacat.

10. Saya ingin mengambil peluang ini juga untuk menucapkan saya kepada semua kanak-kanak di negara ini.

Anak-anak yang dikasihi,

11. Saya berseru kepada anak-anak sekalian supaya melihat di sekitar kita ke negara-negara yang sedang membangun di mana anak-anak akan dapat melihat betapa ramainya kanak-kanak yang tidak sebegitu bernasib baik, yang tidak mempunyai tempat tinggal yang selesa, yang tidak mempunyai makanan yang cukup dan yang sentiasa dilanda sengsara. Anak-anak sekalian seharusnya bersyukur di atas rahmat yang dikurniakan Tuhan kepada negara kita, dan kepada anak-anak sekalian yang menikmati hidup yang sempurna. Dari itu saya menyeru kepada anak sekalian, hargailah nikmat yang anak-anak kecapi sekarang kerana bagi setiap nikmat yang diterima ada tanggungjawabnya -- tanggungjawab untuk menghormati, menghargai dan bersama-sama menikmatinya dengan anak-anak lain. Dunia ini penuh dengan kepincangan yang tidak akan hilang begitu sahaja, tetapi memerlukan usaha yang gigih untuk membasminya. Kami orang dewasa, iaitu ibu-bapa, guru-guru, para pentadbir dan pemimpin-pemimpin masyarakat akan sentiasa berusaha untuk menyediakan keperluan-keperluan utama untuk anak-anak sekalian. Tetapi, anak-anak juga mempunyai peranan penting iaitu untuk disampaikan kepada generasi yang akan datang. Dengan cara ini mereka juga, melalui teladan yang anak-anak sekalian tunjukkan, akan bertindak dengan bijak. Saya berdoa semoga Allah berkati semua kanak-kanak di negara ini, melindungi mereka dari segala bencana dan memberi mereka cahaya yang akan menjadi pelita untuk memandu mereka ke arah memenuhi tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab terhadap negara dan bangsa.

Para hadirin yang dihormati,

12. Bagi mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia dalam usahanya menyediakan beberapa kegiatan untuk menyambut Hari Kanak-Kanak Sedunia 1983. Saya harap hasil kegiatan-kegiatan ini akan meninggalkan kesan-kesan yang konkrit dalam meningkatkan mutu perkhidmatan bagi kanak-kanak di negara ini.

13. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan majlis perayaan Hari Kanak-Kanak Sedunia 1983.

Wabillahi Taufik, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.